



## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

### A. KELAYAKAN PEMOHON

- i. Pemohon mestilah warganegara Malaysia atau warganegara asing yang Kerajaan dinegara asalnya turut sama memberi keistimewaan yang setara kepada warganegara Malaysia yang berada dinegaranya.
- ii. Pemohon mestilah berumur 14 tahun ke atas pada tarikh peperiksaan dijalankan.
- iii. Pemohon mestilah sedar dan bersetuju mematuhi sebarang prosedur, arahan dan syarat-syarat permohonan yang dikenakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

### B. BAYARAN YURAN PEPERIKSAAN

- i. Bayaran Yuran Peperiksaan termasuk yuran pemrosesan ialah **RM 50.00**
- ii. Bayaran hendaklah dijelaskan melalui:-
  - (a) KIRIMAN WANG / WANG POS MALAYSIA atau
  - (b) DERAJ BANKdan dibayar kepada "**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**" sahaja  
*(Sila tulis dengan selengkapnya dan JANGAN gunakan singkatan seperti SKMM)*

**PERHATIAN:** Sertakan bayaran secara berasingan bagi setiap permohonan yang dibuat. Pembayaran secara berkumpulan atau menggunakan mod bayaran selain dari ii(a) & ii(b) di atas akan ditolak.

- iii. Bayaran hendaklah disertakan bersama borang permohonan dan mestilah sampai ke SKMM sebelum tarikh tutup permohonan ini.
- iv. Bayaran yuran bagi permohonan yang dituluskan, **TIDAK** akan dikembalikan atas sebarang sebab sekali pun, termasuklah kegagalan pemohon menduduki peperiksaan pada masa yang ditetapkan atas apa juga sebab.
- v. Hanya bayaran bagi permohonan yang ditolak akan dikembalikan.

### C. PENYERAHAN BORANG

- i. Borang yang lengkap diisi beserta bayarannya hendaklah diserahkan ke **pejabat wilayah SKMM yang sepadan menurut pusat peperiksaan yang telah dipilih** sebelum tarikh tutup permohonannya.
- ii. Alamat lengkap pejabat-pejabat wilayah SKMM ada disertakan dalam notis yang disiarkan diakhbar-akhbar tempatan dan laman web rasmi SKMM di [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

### D. DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

Permohonan mestilah disertakan dengan salinan benar dokumen berikut.

- i. Satu Salinan **Kad Pengenalan atau Pasport atau Kad Kuasa**. Permohonan yang diterima tanpa disertakan dengan satu salinan kad pengenalan, kad kuasa atau pasport akan dianggap tidak lengkap dan akan ditolak.

### E. SYARAT-SYARAT LAIN

- i. Borang permohonan beserta bayaran yuran peperiksaan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan akan dianggap permohonan yang **GAGAL** dengan sendirinya dan akan ditolak.
- ii. Bukti **POS** bukanlah bukti penerimaan permohonan atau bayaran dan sebarang rayuan berkaitan tidak akan dilayan.
- iii. SKMM berhak sepenuhnya untuk menentukan Tarikh, Masa dan Tempat peperiksaan bagi seseorang calon dan sebarang permohonan untuk pertukaran jadual tidak akan dilayan.
- iv. Jumlah calon bagi peperiksaan ini adalah terhad dan keutamaan diberikan kepada permohonan awal yang diterima.
- v. Calon yang berjaya dikehendaki untuk menghadirkan diri di tempat peperiksaan yang telah ditetapkan tempat dan masanya, selewat-lewatnya 30 minit sebelum peperiksaan bermula.
- vi. Calon yang lewat menghadirkan diri di tempat peperiksaan, atas apa juga sebab sekalipun, **TIDAK** dibenarkan menduduki peperiksaan tersebut walau apa pun alasannya.
- vii. Suruhanjaya mempunyai hak mutlak untuk menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebarang sebab.
- viii. Suruhanjaya mempunyai hak mutlak untuk meminda sebarang Peraturan, Syarat dan Prosedur permohonan ini yang dirasakan perlu dari masa ke semasa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

### F. PEMBERITAHUAN

- i. Keputusan rasmi permohonan akan dimaklumkan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh peperiksaan. Semakan keputusan permohonan juga boleh dilakukan secara atas talian (online) dilaman web rasmi SKMM.
- ii. Suruhanjaya berhak untuk meminda tarikh, masa dan tempat atau membatalkan sesuatu peperiksaan yang telah dijadualkan sekiranya dirasakan perlu di atas budi bicara sendiri.
- iii. Sebarang kesulitan, kerugian dan sebagainya yang dihadapi oleh pemohon adalah di atas tanggungan pemohon itu sendiri dan Suruhanjaya tidak akan bertanggungjawab ke atasnya.

### PERHATIAN

Untuk sebarang pertanyaan berhubung peperiksaan ini, sila hubungi Cik Ida Khairuniah Idris di talian +03-8688 8265 atau Fax: +03-8688 1005